


Headline	THT mahu cipta sejarah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Sukan	Page No	55
ArticleSize	242 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,384		



THT mahu cipta sejarah

PASUKAN Hoki Terengganu (THT) tekad membenam Sapura dalam perlawanan akhir Piala TNB, hari ini, seterusnya menempai sejarah berjaya memenangi piala tersebut buat kali ketiga berturut-turut, lapor **MUHAMMAD ZAKWAN NAZARALY**.

Pengendalinya, Sarjit Singh percaya pemainnya sudah bersedia untuk memberikan aksi terbaik dalam perlawanan akhir hari ini.

"Kami bermula perlahan musim ini, tetapi kami bangkit untuk memastikan kejuaan liga milik kami. Sekarang kami mengejar piala liga pula.

"Saya percaya pemain tidak akan meng-

Pemain THT, Tengku Ahmad Tajuddin (kiri) cuba merampas bola daripada penguasaan pemain Maybank dalam aksi separuh akhir kedua Piala TNB, kelmarin.

hampakan saya dan memenuhi impian peminat untuk menjulang kejuaraan kali ketiga berturut-turut," katanya.

THT berjaya melangkah ke final selepas membelasah Maybank, 1-0, secara agregat, manakala Sapura pula mara selepas menang ke atas Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) menerusi penentuan penalti, 4-2, selepas kedudukan terikat, 4-4, secara agregat.

Sementara itu, pengendali Sapura, Yahya Atan mahu melakukan kejutan dan percaya pemainnya mampu memberikan tentangan kepada THT.

"Saya yakin pemain dahagakan kejuaraan piala liga selepas berada di kedudukan ketiga musim lalu. Ini peluang terbaik kami selepas 10 tahun tidak mara ke final," katanya.

Sapura kali terakhir berjaya mara perlawanan akhir piala liga ialah pada 2006.